

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI)
(Untuk simpanan pemohon)

Elaun Kekosongan/Remisi Cukai Taksiran boleh dipertimbangkan sekiranya syarat-syarat di bawah Seksyen 162, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) seperti di bawah ini dipatuhi :-

1. Tuntutan boleh dibuat jika bangunan tersebut kosong (tidak dapat disewakan) lebih dari sebulan.
2. Permohonan remisi yang **telah diluluskan dan melebihi 3 tahun (6 penggal) berturut-turut mulai penggal 1/2015 tidak akan dipertimbangkan.**
3. **PERMOHONAN** hendaklah dibuat **2 KALI** setahun mengikut penggal iaitu:
Penggal 1(Januari - Jun) **-Permohonan diterima mulai 1 Januari hingga 7 Jun**
Penggal 2(Julai – Disember) **-Permohonan diterima mulai 1 Julai hingga 7 Disember**
4. Pemilik hendaklah mengemukakan **NOTIS BERTULIS/BORANG PERMOHONAN REMISI YANG LENGKAP** dalam tempoh 7 hari dari tarikh mulanya kekosongan bangunan iaitu **sebelum/pada 7hb** setiap bulan kalendar. Sekiranya permohonan dikemukakan selepas daripada tarikh itu, permohonan hanya akan dikira mulai bulan berikutnya.
5. Dalam membuat tuntutan, pemilik mesti mengemukakan **BUKTI** yang memuaskan bagi perkara-perkara berikut :-
 - a) Bangunan dalam keadaan baik dan layak untuk diduduki.
 - b) Telah berusaha mendapatkan penyewa (salinan keratan iklan atau surat agen).
 - c) Sewa yang diminta adalah munasabah.
 - d) Bangunan telah kosong dalam tempoh yang dituntut itu.

Jika bangunan masih dalam pembaikan untuk ianya layak diduduki dan pemilik ada membuat permohonan remisi, perkara (a), (b) dan (c) tidak perlu dibuktikan.
6. **BANGUNAN KOSONG YANG BOLEH DIPOHON REMISI**
 - a) Sesuatu flat yang lengkap (self-contained) (dalam bangunan yang didirikan dengan kelulusan Majlis)
 - b) Mana-mana seluruh tingkat bagi bangunan yang mempunyai jalan atau pintu masuk yang berasingan.
 - c) Ruang lantai tidak kurang daripada 1,000 kaki persegi pada tingkat yang sama sesuatu bangunan yang boleh disewakan sebagai suatu pejabat, kedai, kilang, gudang atau lain-lain kegunaan yang seumpamanya.

7. Pemilik hendaklah mengemukakan **SURAT TUNTUTAN PEMULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN** tidak lewat dari **SATU (1)** bulan selepas tamat tempoh penggal yang berkenaan:

Penggal 1(Permohonan Januari - Jun) -Tuntutan mesti dibuat pada **Bulan Julai**

Penggal 2(Permohonan Julai-Disember) -Tuntutan mesti dibuat pada **Bulan Januari pada tahun berikutnya.**

8. Pemilik mesti menyatakan tarikh-tarikh kekosongan dan alamat-alamat untuk dihubungi.

PERINGATAN :

Permohonan remisi ini akan dipertimbangkan dengan syarat bayaran Cukai Taksiran dijelaskan terlebih dahulu.

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
Majlis Bandaraya Shah Alam
1.4.2018